

 Rabu, Apr 25 2018

Harga minyak mentah dunia catat paras tertinggi

BH 25/4

Singapura: Harga minyak mentah global mencatat harga tertingginya sejak akhir 2014 semalam, didorong jangkaan pembaharuan sekatan oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap Iran.

Dalam pada itu, turut menyumbang kenaikan berkenaan adalah langkah Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk terus mengehadkan bekalan meskipun berlaku pertambahan permintaan.

Niaga hadapan Brent, penanda aras antarabangsa bagi harga minyak mentah melonjak setinggi AS\$75.20 satu tong dalam daga-

ngan awal semalam, paras yang tidak pernah dicatatkan sejak November 2014.

Brent masih berada pada AS\$74.89 satu tong pada 0109 GMT, naik 18 sen atau 0.2 peratus daripada penutup hari sebelumnya.

Niaga hadapan AS West Texas Intermediate (WTI) pula berada pada AS\$68.84 satu tong, naik 20 sen, atau 0.3 peratus daripada penutup akhirnya.

Pasaran semakin meningkat berikutan pengurangan bekalan oleh OPEC yang diperkenalkan pada 2017 dengan tujuan menstabilkan pasaran. Selain itu,

potensi pembaharuan sekatan oleh AS terhadap Tehran turut melonjakkan harga.

Tertinggi dalam tempoh tiga tahun

AS mempunyai sehingga 12 Mei untuk menentukan sama ada ia akan meninggalkan rundingan perjanjian nuklear Iran dan memperbaharui sekatan terhadap anggota OPEC itu, dan langkah itu mungkin mengetatkan bekalan global.

"Harga minyak mentah kini berada pada paras tertinggi dalam tempoh tiga tahun, dido-

rong oleh kebimbangan berte-rusan berhubung ketegangan geopolitik di Asia Barat, yang menjadi sumber hampir separuh daripada bekalan minyak dunia," kata bank ANZ pada Selasa.

Usaha OPEC untuk mengetatkan pasaran diterajui oleh pengeksport utama Arab Saudi yang mana firma kawalan kerajaannya, Saudi Aramco sedang meningkatkan harga sempena penyenaaran separuhnya yang dijadualkan hujung tahun ini atau 2019.

"Kekuatan minyak mentah datang daripada komitmen ter-

baharu Arab Saudi untuk mendapatkan harga minyak mentah sekitar AS\$70 hingga AS\$80 setong serta paras inventori yang kembali dalam julat normal," kata penganalisis pelaburan di Rivkin Securities Australia, William O'Loughlin.

Pengurusan bekalan OPEC dan ancaman sekatan baharu muncul pada masa permintaan di Asia, rantau terbesar yang menggunakan minyak mentah, mencecah paras rekod baharu berikutan kilang penapisan mula berkembang dari China ke Vietnam.

REUTERS